

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: METRO AHAD (LOKAL)

TARIKH: 06 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 21

Kuala Terengganu: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam proses penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) pemedaman atau penyelamatan terutama membabitkan kes rusuhan. Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Mohamad Hamdan Wahid berkata, penambahbaikan SOP terbabit bukan dilakukan selepas mendapat keputusan inkues kematian anggotanya, Muhammad Adib

Bomba tambah baik SOP ketika rusuhan

Mohd Kassim sebaliknya perkara terbabit dilakukan sebaik saja kes terbabit berlaku.

Katanya, langkah itu dilaksanakan menerusi penubuhan jawatankuasa khas susulan kes membabitkan kematian Muhammad Adib sewaktu insiden rusuhan di Kul Sri Maha

Mariamman, tahun lalu.

"Kami percaya dalam mana-mana SOP sekali pun ia memerlukan aspek penambahbaikan. Apabila berlaku kes arwah Adib kami tubuh jawatankuasa khas di dalam jabatan berkecuali untuk yang menyiasat dan melihat aspek penambahbaikan," katanya.